

11 JAN 2000

PM SEDIA JUMPA CUEPACS TENTANG PERSARAAN KAKITANGAN K'JAAN

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersedia berjumpa dengan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung cadangan melanjutkan umur persaraan kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

Perdana Menteri berkata keputusan kabinet menetapkan umur bersara 55 tahun bagi kakitangan kerajaan dibuat berdasarkan sebab-sebab tertentu.

"Tapi kalau ada orang beri sebab lain yang kabinet tak ambil kira, kita sedia mendengar. Sama ada kita akan terpengaruh dengan pendapat lain itu, itu adalah perkara lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dan sesi kepimpinan bagi 100 pemimpin Umno dari seluruh negara di Jabatan Perdana Menteri, di sini,

Dr Mahathir mengulas kenyataan presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam semalam bahawa badan itu ingin berjumpa dengan beliau bagi membincangkan cadangan itu.

Siva berkata Cuepacs akan mengemukakan hujah-hujah tambahan bagi pertimbangan perdana menteri.

Menurutnya dianggarkan lebih 12,000 anggota sektor awam bersara wajib setiap tahun yang mengakibatkan peruntukan wang yang banyak oleh kerajaan untuk pembayaran ganjaran dan pencen.

-- BERNAMA

MAM zb